

DASAR PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK

Universiti Teknologi MARA 2013



DASAR PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK

Universiti Teknologi MARA 2013

*Research Innovation Business Unit (RIBU)
Universiti Teknologi MARA*

1. TUJUAN DASAR

- 1.1 Dasar Pengkomersilan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA (selepas ini dirujuk sebagai ‘Dasar ini’) bertujuan untuk mengurus dan mengendalikan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM dan pengagihan hasil pengkomersilan Harta Intelek tersebut.
- 1.2 Secara khususnya, Dasar ini mengurus dan mengendalikan aktiviti pengkomersilan dan pengagihan pendapatan tersebut dengan:
 - a. mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini;
 - b. mewujudkan prosedur cadangan dan membuat keputusan pengkomersilan Harta Intelek UiTM yang cekap dan berkesan;
 - c. menetapkan hak dan obligasi pihak-pihak terlibat dalam aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM;
 - d. membantu UiTM memilih kaedah yang boleh diguna pakai bagi tujuan pengkomersilan Harta Intelek;
 - e. memberi garis panduan pengagihan Hasil Pengkomersilan Harta Intelek UiTM;
 - f. menyediakan platform penyelesaian pertikaian yang berbangkit daripada perlaksanaan Dasar ini.
- 1.3 Selain dari itu, Dasar ini juga bertujuan untuk mempromosi aktiviti pengkomersilan Harta Intelek dan memberi galakan kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu supaya menghasilkan Harta Intelek yang berpotensi untuk dikomersilkan.

2. SKOP PEMAKAIAN

- 2.1 Dasar ini terpakai ke atas semua aktiviti pengkomersilan Harta Intelek yang dihasilkan oleh Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, dan yang mana hak dan/atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut dimiliki oleh UiTM.
- 2.2 Dasar ini juga boleh diguna pakai bagi tujuan mengkomersilkan apa-apa idea, produk ('tangible' dan 'non-tangible') atau proses yang dihasilkan oleh Staf,

Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi tetapi tidak diklasifikasikan sebagai Harta Intelek atau didapati tidak layak mendapat perlindungan Hak Harta Intelek.

3. UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PERINTAH AM YANG BERKAITAN

- 3.1 Dasar ini digubal selaras dengan peruntukan undang-undang bertulis Harta Intelek (khususnya Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 1976, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Petunjuk Geografi 2000, Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000) dan undang-undang tidak bertulis (khususnya undang-undang ‘Common Law’) berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit yang kini berkuat kuasa di Malaysia. Dasar ini juga menjadikan Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010 sebagai rujukan kepada penggubalannya.
- 3.2 Dasar di peringkat kebangsaan iaitu Dasar Harta Intelek Negara (2007), Dasar Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009), Dasar Inovasi Negara (2010) dan dasar dalaman UiTM turut dijadikan rujukan bagi memastikan keseragaman Dasar-Dasar tersebut dengan Dasar ini.
- 3.3 Perintah Am yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek adalah juga dirujuk bagi memastikan kepatuhan terhadap perintah-perintah tersebut, khususnya oleh Staf UiTM atau mana-mana Pelajar dan Rakan Sekutu, yang merupakan Kakitangan Awam. Antara Perintah Am yang dijadikan rujukan adalah:
 - a. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 2009:** Dasar Pengkomersilan Harta Intelek Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai oleh Kerajaan.
 - b. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002:** Pemilikan dan Perisyntiharhan Harta oleh Pegawai Awam.
 - c. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993:** Bayaran (Fees), Elaun-elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai kerajaan yang

- dilantik menjadi Pengurus/Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan/Badan-badan Perniagaan yang kerajaan mempunyai kepentingan).*
- d. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982** Penglibatan Staf Kerajaan Dalam Lembaga Pengarah Syarikat Perdagangan/Perusahaan Persendirian Atau Syarikat Perdagangan/Perusahaan Di Mana Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Staf Awam Mempunyai Kepentingan Dari Segi Pelaburan Modal Dan/Atau Ekuiti.

4. TAKRIFAN

- 4.1 Untuk tujuan Dasar ini, terma dan definisi berikut digunakan:
- a. **Hak Harta Intelek** bermaksud semua jenis hak (hak milik, hak eksklusif dan hak moral) dan apa-apa kepentingan (selaku pemegang lesen) yang diiktiraf dan dilindungi di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis, khususnya semua hak dan kepentingan yang timbul daripada undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadau, varieti baru tumbuhan dan maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan.
 - b. **Harta Intelek** bermaksud apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, rahsia perdagangan atau maklumat sulit yang layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang Harta Intelek sama ada undang-undang bertulis (khususnya undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadau dan varieti baru tumbuhan) atau undang-undang tidak bertulis (khususnya ‘Common Law’).
 - c. **Harta Intelek UiTM** bermaksud semua Harta Intelek yang mana UiTM mempunyai hak dan/atau kepentingan kontraktual atau kepentingan ekuiti hasil daripada pemberian/penyerahan hak milik, pemberian lesen atau operasi perundangan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

- d. **Hasil Pengkomersilan** bermaksud pendapatan yang diterima oleh UiTM daripada pengkomersilan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - i. royalti jualan (daripada pemegang lesen/ pemegang lesen kecil);
 - ii. hasil daripada pemindahan teknologi;
 - iii. hasil daripada penyerahan/pemberian lesen Hak Harta Intelek;
 - iv. dividen daripada saham yang dimiliki oleh UiTM dalam syarikat yang ditubuhkan untuk mengkomersilkan Harta Intelek; atau
 - v. hasil daripada jualan saham yang dimiliki oleh UiTM dalam syarikat ditubuhkan untuk mengkomersilkan Harta Intelek.
- e. **Hasil Pengkomersilan Bersih** bermaksud Hasil Pengkomersilan selepas ditolak Kos Pengkomersilan.
- f. **Kos Pengkomersilan** bermaksud semua kos yang kebiasaannya dan secara munasabahnya diperlukan dan/atau ditanggung dalam mengkomersilkan Harta Intelek, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - i. kos permohonan dan pendaftaran Harta Intelek;
 - ii. kos perundangan;
 - iii. yuran akauntan;
 - iv. perbelanjaan penilai;
 - v. yuran pengurusan RIBU;
 - vi. perbelanjaan perunding (perunding Harta Intelek, pengkomersilan dan lain-lain perunding);
 - vii. kos profesional luar yang lain;
 - viii. kos perjalanan dan penginapan setakat yang wajar dan munasabah;
 - ix. kos penerimaan pemindahan teknologi (technology acquisition);
 - x. apa-apa cukai yang berkaitan dengan pengkomersilan.
- g. **Lesen** bermaksud hak untuk mengeksloitasi Hak Harta Intelek (merangkumi hak eksklusif/tunggal/bukan eksklusif/bersilang) yang diberikan oleh pelesen (sama ada pemilik Harta Intelek atau pemegang lesen sedia ada) kepada satu atau lebih pihak lain (dikenali sebagai pemegang lesen atau pemegang sub-lesen, tertakluk kepada keadaan). Dalam konteks Dasar ini:

- i. Lesen Eksklusif – Pemberi lesen memindahkan sepenuhnya hak untuk mengeksploitasi sesuatu Harta Intelek kepada penerima lesen. Dalam masa yang sama, pemberi lesen juga melupuskan kesemua haknya untuk mengeksploitasi Harta Intelek tersebut. Pemberian lesen tersebut hanya kepada penerima lesen tersebut sahaja dan pemberi lesen tidak lagi dibenarkan untuk memberikan apa-apa lesen yang serupa bagi Harta Intelek tersebut kepada mana-mana pihak lain.
 - ii. Lesen Tunggal – Pemberi lesen memindahkan sepenuhnya hak untuk mengeksploitasi sesuatu Harta Intelek kepada penerima lesen. Walau bagaimanapun, pemberi lesen masih mengekalkan haknya untuk mengeksploitasi Harta Intelek tersebut.
 - iii. Lesen Bukan Eksklusif – Pemberi lesen memberikan hak untuk mengeksploitasi sesuatu Harta Intelek kepada seorang atau lebih pihak. Dalam masa yang sama, pemberi lesen masih boleh mengeksploitasi Harta Intelek tersebut. Pemberi lesen juga dibenarkan untuk memberikan lesen kecil kepada mana-mana pihak yang lain.
 - iv. Lesen Bersilang – Dua atau lebih pihak memberikan lesen secara timbal balas untuk mengeksploitasi Harta Intelek-Harta Intelek satu sama lain. Balasan kepada pemberian lesen tersebut adalah berupa lesen yang diberikan secara timbal balas tersebut. Di mana hak untuk mengeksploitasi atau nilai Harta Intelek tidak setara, pihak-pihak yang terlibat boleh memasukkan pembayaran atau royalti sebagai balasan tambahan.
- h. **Maklumat Sulit** meliputi semua jenis data/maklumat dalam bentuk lisan/bertulis/audio/visual sama ada bercetak atau digital yang mengandungi data/maklumat perdagangan, peribadi, saintifik, penyelidikan, organisasi, kerajaan, ketenteraan atau lain-lain data/maklumat yang pada pendapat UiTM ianya perlu dirahsiakan daripada pengetahuan umum.
- i. **Pelajar** diberi maksud yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UiTM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Pelajar UiTM bermaksud sesiapa sahaja yang diiktiraf sebagai Pelajar UiTM di bawah

Akta 173, yang meliputi pelajar pasca ijazah, ijazah sarjana muda, diploma, sijil, asasi atau pra-diploma yang berdaftar dan berstatus aktif dengan UiTM sama ada sebagai pelajar sepenuh masa/separuh masa di dalam kampus atau di luar kampus UiTM.

- j. **Pemindahan Teknologi** bermaksud proses menyalurkan teknologi dan/atau kepakaran, kemahiran, pengetahuan berhubung teknologi yang terhasil daripada/terkandung di dalam sesuatu Harta Intelek untuk manfaat Pihak Luar dan sebaliknya.
- k. **Pengkomersilan** dalam konteks Dasar ini bermaksud aktiviti yang bertujuan untuk menjana pendapatan dan/atau pulangan kewangan daripada Harta Intelek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (i) penyerahan hak (assignment) dan/atau pelesenan (licensing) sebahagian atau keseluruhan Hak Harta Intelek dengan balasan kewangan/royalti yang setimpal; (ii) penubuhan syarikat ‘Spin-Off’ atau Syarikat Usaha sama yang menghasilkan, membuat, mengilang, mengeluarkan, membekal, memasarkan atau memfrancaiskan produk/perkhidmatan yang mengandungi atau menggunakan pakai Harta Intelek UiTM; (iii) pemindahan teknologi oleh UiTM kepada Pihak Luar dengan balasan kewangan yang setimpal.
- l. **Penyerahan Hak** bermaksud memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas sesuatu Harta Intelek.
- m. **Perjanjian** dalam konteks Dasar ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada Perjanjian Penyelidikan dan Pembangunan Usaha Sama, Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (Non-Disclosure Agreement), Memorandum Persefahaman (MoU)/Memorandum Persetujuan (MoA), Perjanjian Penyerahan Hak Harta Intelek (Assignment), Perjanjian Pemberian Lesen (Licensing Agreement), Perjanjian Pemindahan Teknologi dan Perjanjian Pertukaran Staf.

- n. **Rahsia Perdagangan** meliputi formula, kaedah, amalan, proses, resipi dan lain-lain pengetahuan (know-how) yang dirahsiakan dan/atau belum menjadi pengetahuan umum yang memberi kelebihan ekonomi kepada pemilik rahsia perdagangan tersebut ke atas pesaing perniagaannya.
- o. **Rakan Sekutu** termasuk, tetapi tidak terhad kepada rakan usaha sama dalam penyelidikan, penyelidik pelawat, perunding, profesor adjung, felo atau mana-mana individu, entiti atau badan korporat lain yang dijemput secara rasminya oleh UiTM (sama ada dengan atau tanpa ikatan kontraktual) bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi, tetapi bukan merupakan Staf atau Pelajar UiTM.
- p. **Senat UiTM** adalah merujuk kepada satu badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 16A Akta UiTM 1976 (Akta 173).
- q. **Staf** diberi maksud yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UiTM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Staf UiTM bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan oleh UiTM, sama ada secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, merangkumi staf akademik dan staf bukan akademik.
 - i. **Staf Akademik** merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada profesor, pensyarah, tutor dan pembantu pensyarah dan juga meliputi semua gred dan pangkat.
 - ii. **Staf Bukan Akademik** merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada bendahari, pendaftar, jurutera, arkitek, pegawai eksekutif, pembantu makmal, pembantu tadbir, pembantu am dan lain-lain Staf sokongan dan juga meliputi semua gred dan pangkat.

UiTM atau Universiti bermaksud Universiti Teknologi MARA, yang ditubuhkan di bawah Akta UiTM 1976 (Akta 173) dan termasuk juga penerima serah hak serta wakil/agen atau staf yang dilantik/diberi kuasa untuk mewakil/bertindak bagi pihaknya.

5. PERLAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN DASARINI

- 5.1 Senat UiTM selaku ‘Custodian’ Dasar ini telah menurunkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersilan (JHIP) UiTM untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini.
- 5.2 JHIP UiTM adalah Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Penyelidikan Universiti dengan punca kuasa Seksyen 16A (8) dan (9) Akta UiTM 1976 (Akta 173) dan dianggotai oleh:

Pengerusi Tetap	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Pengerusi	Pengarah Research Innovation Business Unit (RIBU)
Ganti/Ahli	
Ahli	Seorang (1) ahli daripada setiap Gugusan (Tiga orang) Seorang (1) ahli daripada UiTM Negeri (Zon Utara, Selatan, Timur dan Sabah/Sarawak) (4 orang)
	Pegawai Undang-Undang
	Penolong Bendahari Unit Kewangan Zon 17
	Dua (2) wakil industri
Setiausaha	Ketua Unit Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersilan
Urus setia	RIBU

- 5.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersilan (JHIP) UiTM
- a. JHIP UiTM bertanggungjawab memastikan Dasar ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya dan hendaklah dari semasa ke semasa atau apabila diminta, memaklumkan kepada Senat UiTM dan Majlis Penyelidikan Universiti (MPU) berhubung perlaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini.

- b. JHIP UiTM bertanggungjawab untuk menimbang cadangan pengkomersilan daripada RIBU atau mana-mana Pihak Pencadang yang diperihalkan di dalam fasal 6.2 Dasar ini dan sekiranya didapati wajar, mengesyorkan kepada Senat UiTM supaya Harta Intelek tersebut dikomersilkan.
- c. Jika berlaku sebarang ketidakpatuhan/pemecahan tanggungjawab/perlanggaran oleh Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu terhadap mana-mana peruntukan yang termaktub di dalam Dasar ini, JHIP UiTM boleh mencadangkan kepada Senat UiTM untuk mengambil langkah-langkah yang perlu (sama ada berbentuk perundangan atau pentadbiran) terhadap pihak yang bertanggungjawab ke atas ketidakpatuhan/pemecahan tanggungjawab/perlanggaran dasar tersebut.
- d. Dalam melaksanakan tanggungjawab di atas, JHIP UiTM antara lainnya diberi kuasa untuk:
 - i. membuat keputusan berhubung dengan perlaksanaan dan pematuhan Dasar ini;
 - ii. melantik Jawatankuasa Kecil atau ahli sebagaimana yang diperlukan untuk membantu JHIP (dan bukan untuk membuat keputusan bagi pihak JHIP) di dalam melaksanakan Dasar ini;
 - iii. mengeluarkan garis panduan berhubung perlaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini;
 - iv. menjalankan semua perkara lain yang perlu bagi memastikan perlaksanaan dan pematuhan Dasar ini;
 - v. menimbangkan dan membawa apa-apa cadangan pindaan atau semakan ke atas Dasar ini kepada Senat UiTM.

5.4 Tanggungjawab Research Innovation Business Unit (RIBU)

- a. RIBU selaku Urus setia di dalam JHIP UiTM memikul tanggungjawab sebagai agen pelaksana Dasar ini.
- b. Antara tanggungjawab utama RIBU selaku agen pelaksana Dasar ini adalah seperti berikut:

- i. memastikan apa-apa keputusan dan/atau arahan yang dibuat oleh JHIP UiTM/Senat UiTM di bawah Dasar ini dilaksanakan dengan jayanya;
- ii. menyimpan dan mengemas kini portfolio dan pangkalan data Harta Intelek UiTM bagi tujuan rujukan umum, audit, penilaian, sorotan teknologi, pengkomersilan, urusan kenaikan pangkat, pemberian anugerah/insentif dan lain-lain tujuan/urusan yang bersesuaian;
- iii. memberikan input/nasihat/khidmat perundangan dan teknikal kepada JHIP UiTM berhubung aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM dan pengagihan Hasil Pengkomersilan;
- iv. menasihati JHIP UiTM dalam perkara berkaitan penilaian teknikal, penilaian risiko dan potensi pengkomersilan Hak Harta Intelek;
- v. mengendalikan rundingan berkaitan dengan aktiviti pengkomersilan dengan Staf, Pelajar, Rakan Sekutu UiTM atau pihak luar yang melibatkan Harta Intelek UiTM;
- vi. menyediakan draf Perjanjian Penyerahan Hak, Pelesenan, Pemindahan Teknologi, Kerahsiaan dan lain-lain Perjanjian yang melibatkan Harta Intelek UiTM yang hendak dikomersilkan;
- vii. memantau dan mengambil tindakan segera dan perlu jika terdapat sebarang perlanggaran oleh mana-mana pihak ke atas hak dan kepentingan UiTM ke atas Harta Intelek yang dikomersilkan tersebut;
- viii. melantik firma guaman/agen Harta Intelek yang berkelayakan bagi mengendalikan urusan perundangan berkaitan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM;
- ix. menyiasat secara terperinci dan mencari jalan penyelesaian secara adil dan saksama bagi sebarang pertikaian yang berbangkit daripada pengkomersilan Harta Intelek UiTM;
- x. menyebar, memberi maklumat dan menjelaskan inti pati Dasar ini kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui penerbitan, bengkel, seminar dan kursus;
- xi. mencadangkan apa-apa garis panduan yang perlu bagi memperincikan dan memperkemaskan perlaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini;
- xii. mencadangkan apa-apa pindaan yang perlu kepada Dasar ini.

6. CADANGAN PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK UITM

- 6.1 RIBU selepas menerima makluman secara bertulis daripada Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu berhubung penghasilan sesuatu Harta Intelek UiTM sama ada di bawah Dasar ini atau Dasar Harta Intelek UiTM boleh mencadangkan supaya Harta Intelek tersebut dikomersilkan, jika sekiranya didapati wajar oleh RIBU.
- 6.2 Selain dari RIBU, mana-mana Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM yang menghasilkan Harta Intelek UiTM atau mana-mana pihak yang berkepentingan (selepas ini dirujuk sebagai ‘Pihak Pencadang’) juga layak untuk memberi cadangan supaya Harta Intelek tersebut dikomersilkan.
- 6.3 Pihak Pencadang hendaklah memberikan cadangan pengkomersilan Harta Intelek tersebut secara bertulis kepada RIBU.
- 6.4 Pada atau secepat mungkin selepas membuat cadangan tersebut, Pihak Pencadang dengan sedaya-upayanya hendaklah membekalkan kesemua atau sebahagian maklumat berikut kepada RIBU:
 - a. butiran teknikal Harta Intelek tersebut;
 - b. maklumat ‘prior art’ dan/atau sorotan teknologi (jika berkenaan);
 - c. sama ada Hak Harta Intelek tersebut telah didaftarkan atau permohonan perlindungan Hak Harta Intelek telah dibuat;
 - d. nilai komersil Harta Intelek tersebut;
 - e. kebolehpasaran Harta Intelek tersebut;
 - f. kos pengkomersilan Harta Intelek tersebut;
 - g. rancangan perniagaan; dan
 - h. ramalan kadar pulangan pelaburan.
- 6.5 Jika dirasakan perlu, RIBU boleh meminta apa-apa maklumat tambahan daripada Pihak Pencadang dan/atau Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelek tersebut.
- 6.6 Sebaik sahaja menerima maklumat/maklumat tambahan tersebut, RIBU hendaklah memastikan bahawa UiTM adalah pemilik sah dan mutlak Harta Intelek tersebut.

6.7 Jika sekiranya RIBU mendapati:

- a. Harta Intelek tersebut adalah dimiliki oleh UiTM secara bersama dengan pihak lain, RIBU hendaklah memastikan bahawa hak untuk mengkomersilkan dan isu berkaitan pengagihan Hasil Pengkomersilan, telah dipersetujui terlebih dahulu secara bertulis di antara UiTM dan pemilik bersama tersebut;
- b. wujud apa-apa obligasi UiTM dengan Pihak Luar di bawah apa-apa Perjanjian yang membabitkan Harta Intelek UiTM, RIBU hendaklah dengan segera menghubungi Pihak Luar berkenaan dan mengadakan rundingan bagi pihak UiTM berhubung pengkomersilan Harta Intelek tersebut, berasaskan kepada terma dan syarat Perjanjian yang dimasuki dengan Pihak Luar tersebut; atau
- c. Harta Intelek tersebut: (i) bukan di bawah hak milik UiTM, atau (ii) ia adalah idea, produk ('tangible' dan 'non-tangible') atau proses yang dihasilkan oleh Staf Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi tetapi tidak diklasifikasikan sebagai Harta Intelek atau didapati tidak layak mendapat perlindungan Hak Harta Intelek; RIBU akan memaklumkan secara bertulis tentang perkara tersebut kepada Pihak Pencadang, di mana Pihak Pencadang adalah bebas untuk mengeksplotasi/mengkomersilkannya atas perbelanjaannya sendiri.

Jika sekiranya selepas dimaklumkan oleh RIBU, Pihak Pencadang tetap berhasrat untuk mengkomersilkan dengan menggunakan pakai Dasar ini:

- a. Harta Intelek yang bukan di bawah hak milik UiTM, satu perjanjian penyerahan hak atau pelesenan Harta Intelek tersebut kepada UiTM hendaklah dimasuki terlebih dahulu di antara UiTM dengan Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu berkenaan;
- b. idea, produk atau proses tersebut, satu Perjanjian yang memberi hak atau kepentingan kepada UiTM untuk mengkomersilkan idea, produk, proses tersebut hendaklah dimasuki di antara UiTM dengan Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu tersebut.

Selepas daripada langkah-langkah yang diperlukan di fasal 6.7(c)(i) atau 6.7.(c)(ii) di atas telah disempurnakan, Harta Intelek/idea/produk/proses

tersebut hendaklah bagi tujuan Dasar ini, dianggap sebagai Harta Intelek UiTM.

- 6.8 Dalam tempoh yang munasabah selepas hak milik UiTM ke atas Harta Intelek tersebut dapat dipastikan dan urusan-urusan yang diperihalkan di dalam fasal 6.7(a) hingga 6.7(c) di atas telah diselesaikan, RIBU hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:
- memaklumkan kepada JHIP UiTM tentang cadangan pengkomersilan tersebut;
 - mendapatkan laporan penilai bebas berhubung cadangan pengkomersilan tersebut (jika perlu);
 - mengenal pasti pihak-pihak yang berpotensi untuk mengkomersilkan Harta Intelek tersebut;
 - menentukan kaedah/mekanisme pengkomersilan yang paling sesuai bagi Harta Intelek tersebut.
- 6.9 Seterusnya, dalam tempoh yang munasabah dari tarikh:
- laporan penilai bebas diterima (jika berkenaan);
 - pihak-pihak yang berpotensi dapat dikenal pasti; dan
 - kaedah/mekanisme pengkomersilan dapat ditentukan;

RIBU hendaklah menyediakan laporan lengkap kepada JHIP UiTM penemuan dan pendapatnya berhubung cadangan pengkomersilan Harta Intelek tersebut.

- 6.10 JHIP UiTM sebaik menerima laporan lengkap daripada RIBU dan setelah memastikan bahawa usaha wajar (due diligence) telah dilakukan oleh RIBU, hendaklah dalam tempoh yang munasabah, mengesyorkan kepada Senat UiTM tentang kewajaran mengkomersilkan Harta Intelek tersebut.

7. KEPUTUSAN BERHUBUNG PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK UITM

- 7.1 Senat UiTM dalam tempoh masa yang munasabah selepas menerima syor daripada JHIP UiTM, hendaklah membuat keputusan muktamad berhubung cadangan pengkomersilan Harta Intelek tersebut.

- 7.2 Senat UiTM, melalui RIBU hendaklah memaklumkan secara bertulis tentang keputusan yang dibuat oleh UiTM kepada Pihak Pencadang, dengan atau tanpa memberikan alasan kepada keputusan tersebut.
- 7.3 Jika sekiranya Senat UiTM memutuskan untuk mengkomersilkan Harta Intelek tersebut, RIBU bertanggungjawab memastikan bahawa semua tindakan yang wajar dan perlu diambil bagi melaksanakan keputusan tersebut, termasuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek (jika berkenaan).
- 7.4 UiTM selaku pemilik Harta Intelek tersebut akan menanggung kos yang terlibat dalam permohonan perlindungan dan pengkomersilan yang diperlukan mengikut kaedah-kaedah pengkomersilan yang dipilih.
- 7.5 Sebaliknya, jika Senat UiTM membuat keputusan untuk tidak mengkomersilkan Harta Intelek tersebut, Pihak Pencadang sebaik menerima makluman tersebut boleh membuat permohonan melalui RIBU supaya hak milik ke atas Harta Intelek UiTM diserahkan kepadanya. Senat UiTM mempunyai budi-bicara penuh sama ada untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UiTM tersebut kepada Pihak Pencadang yang membuat permohonan tersebut dengan atau tanpa balasan.
- 7.6 Jika dirasakannya perlu, UiTM berhak untuk mengekalkan hak milik ke atas Harta Intelek tersebut, dan dalam masa yang sama memberikan lesen kepada Pihak Pencadang yang membuat permohonan penyerahan hak milik tersebut untuk.
- 7.7 Dalam keadaan di mana Senat UiTM bersetuju dengan permohonan untuk menyerahkan hak milik Harta Intelek UiTM kepada Pihak Pencadang, satu Perjanjian Penyerahan Hak akan disediakan secepat mungkin oleh UiTM. Walau bagaimanapun, UiTM boleh menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian Harta Intelek tersebut bagi tujuan bukan komersil dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai.

- 7.8 Pihak Pencadang yang menerima serah hak milik Harta Intelek tersebut, bebas memulakan proses memfailkan permohonan perlindungan, pengeksploitasi dan/atau pengkomersilan Harta Intelek berkenaan dengan kosnya sendiri. Melainkan dipersetujui sebaliknya dan dinyatakan secara bertulis, UiTM tidak akan menuntut apa-apa hak, kepentingan dan manfaat yang timbul daripada pengeksploitasi/pengkomersilan Hak Harta Intelek tersebut.

8. RUNDINGAN PENGKOMERSILAN

- 8.1 Di mana keputusan telah dibuat oleh Senat UiTM untuk mengkomersilkan sesuatu Harta Intelek, RIBU adalah bertanggungjawab untuk mengaturkan rundingan pengkomersilan dengan pihak yang berminat atau berpotensi mengkomersilkan Harta Intelek tersebut, sebaik sahaja mereka dapat dikenal pasti.
- 8.2 Pihak Pencadang yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan pihak yang berminat untuk mengkomersilkan Harta Intelek tersebut, hendaklah memaklumkan kepada UiTM melalui RIBU berhubung perkara tersebut dengan memberikan butiran yang mencukupi identiti pihak-pihak yang menaruh minat tersebut bagi membolehkan proses rundingan dimulakan oleh UiTM.
- 8.3 Semasa proses rundingan pengkomersilan, UiTM boleh melantik wakil sama ada dari UiTM, khususnya RIBU atau daripada sumber luar bagi mewakilinya dalam proses rundingan tersebut. Wakil yang dilantik itu sebaik-baiknya adalah seorang yang:
- a. mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal;
 - b. berpengetahuan luas tentang teknologi yang berkenaan;
 - c. berpengetahuan luas dalam bidang undang-undang, peraturan, polisi Kerajaan dan mana-mana polisi atau keperluan yang diguna pakai oleh UiTM;
 - d. mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang pengkomersilan.
- 8.4 Pihak-pihak yang dilantik untuk mewakili UiTM dalam rundingan pengkomersilan tersebut diberi kuasa oleh UiTM untuk mengadakan

rundingan tentang terma dan syarat Perjanjian pengkomersilan Harta Intelek UiTM.

- 8.5 Jika sekiranya Pihak Pencadang telah mengadakan rundingan awal dengan pihak-pihak yang berminat/berpotensi dengan pengkomersilan Harta Intelek tersebut, satu Perjanjian Kerahsiaan/Perjanjian untuk tidak mendedahkan maklumat atau mana-mana perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama hendaklah ditandatangani oleh pihak berkenaan, sebelum daripada data/maklumat berkaitan Harta Intelek itu didedahkan kepada pihak berkenaan.

9. TANGGUNGJAWAB PIHAK PENCADANG DI BAWAH DASAR INI

9.1 Tanggungjawab Untuk Memberi Kerjasama dan Membekalkan Maklumat

- a. Pihak Pencadang hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya dan dengan segera apabila diminta menyempurnakan semua dokumen yang diperlukan bagi membolehkan permohonan perlindungan Hak Harta Intelek dan/atau pengkomersilan Harta Intelek itu dijayakan.
- b. Pihak Pencadang hendaklah membekalkan segala jenis maklumat dan memberikan segala jenis bantuan kepada UiTM di semua peringkat permohonan perlindungan/pengkomersilan Harta Intelek tersebut, sebagaimana yang diperlukan oleh UiTM dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengambil bahagian di dalam prosiding perundangan berkaitan dengan perlanggaran Hak Harta Intelek dan pelesenan Harta Intelek tersebut.
- c. Dalam keadaan di mana penglibatan secara kekal/berterusan oleh Pihak Pencadang adalah diperlukan sepanjang aktiviti pengkomersilan itu berjalan, darjah, bentuk dan tempoh masa penglibatan Pihak Pencadang hendaklah diperincikan di dalam satu bentuk Perjanjian.

9.2 Tanggungjawab Untuk Mengisyiharkan Percanggahan Kepentingan Dan Komitmen

- a. Pihak Pencadang yang merupakan Staf yang menghasilkan Harta Intelek UiTM hendaklah mematuhi Garis Panduan Percanggahan Kepentingan dan Komitmen Staf UiTM (Dalam Aktiviti Pengkomersilan Harta Intelek UiTM) sepetimana dalam Lampiran 1 ('Garis Panduan tersebut').
- b. Pihak Pencadang selaku Staf UiTM adalah dikehendaki untuk mengisyiharkan apa-apa percanggahan kepentingan dan komitmen yang wujud atau dijangkakan akan wujud berpandukan kepada Garis Panduan tersebut.

10. KAEADAH PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK

10.1 Pihak-pihak yang berunding dalam pengkomersilan Harta Intelek hendaklah menimbangkan kesemua kaedah pengkomersilan yang wujud dan berada dalam pengetahuan mereka, serta menimbangkan kelebihan dan kekurangan setiap satu kaedah tersebut, sebelum membuat memilih mana-mana kaedah berkenaan.

10.2 Kaedah pengkomersilan Harta Intelek yang boleh dipilih termasuk, tetapi tidak terhad kepada kaedah-kaedah berikut:

10.2.1 Pelesenan Hak Harta Intelek

- a. Pemberian lesen boleh dihadkan mengikut kawasan, tempoh masa, industri atau bidang tertentu.
- b. Jenis-jenis lesen yang boleh dipilih sebagai kaedah pengkomersilan Harta Intelek, adalah seperti berikut:
 - i. Lesen Eksklusif;
 - ii. Lesen Tunggal;
 - iii. Lesen Bukan Eksklusif;
 - iv. Lesen Bersilang;

10.2.2 Penyerahan Hak Harta Intelek

- a. Penyerahan hak Harta Intelek melibatkan penjualan terus Hak Harta Intelek, yang mana penyerah hak memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas Harta Intelek kepada penerima serah hak.
- b. Sebarang urusan penyerahan hak Harta Intelek sama ada oleh UiTM atau kepada UiTM hendaklah dilaksanakan secara bertulis melalui Perjanjian Penyerahan Hak dengan pihak-pihak yang berkenaan.

10.2.3 Penubuhan Syarikat Milik Universiti

- a. Terdapat dua jenis syarikat milik universiti yang boleh ditubuhkan di bawah Dasar ini:
 - i. Syarikat ‘Spin-Off’ - sebuah syarikat yang baru dimulakan bagi tujuan pengkomersilan Harta Intelek, yang mana Universiti dan/atau pihak yang menghasilkan Harta Intelek memiliki pegangan saham di dalam syarikat baru tersebut bersama-sama dengan Pihak Luar, dengan bahagian pegangan masing-masing akan dirundingkan.
 - ii. Syarikat Usaha sama - sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Universiti bersama dengan Pihak Luar bagi tujuan pengkomersilan Harta Intelek, yang mana Universiti dan Pihak Luar tersebut adalah merupakan pemegang saham syarikat tersebut.
- b. Bagi syarikat ‘Spin-Off’ atau Syarikat Usaha sama Universiti, UiTM Holdings Sdn. Bhd. atau mana-mana anak syarikat miliknya akan menjadi proksi UiTM sebagai pemegang saham dalam syarikat ‘Spin-Off’ atau Syarikat Usaha Sama itu.

10.2.4 Pemindahan Teknologi

- a. Pemindahan Teknologi yang dimiliki oleh UiTM boleh dilakukan sama ada melalui pembelian teknologi secara terus oleh Pihak Luar,

- pemberian lesen kepada Pihak Luar atau apa-apa cara pemindahan lain yang sah di sisi undang-undang.
- b. Walau apa pun cara pemindahan teknologi yang diguna pakai di bawah Dasar ini, satu Perjanjian Pemindahan Teknologi hendaklah dimasuki di antara UiTM dengan Pihak Luar tersebut.

10.3 Syarat Khas

- a. Penyerahan hak atau pemberian lesen eksklusif Hak Harta Intelek UiTM di bawah fasal ini, tidak boleh diberikan melainkan penerima serah hak atau penerima lesen tersebut bersetuju untuk menghasilkan/membuat/mengilang/mengeluarkan produk yang mengandungi atau menggunakan pakai Harta Intelek tersebut secara substantif di Malaysia.
- b. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, syarat khas yang diperlukan di atas boleh diketepikan dalam keadaan-keadaan berikut:
- segala usaha yang wajar telah dilakukan tetapi tidak berjaya/gagal untuk mendapatkan penerima serah hak atau penerima lesen yang sanggup memenuhi syarat khas tersebut; atau
 - dalam keadaan di mana penghasilan/pembuatan/pengilangan/pengeluaran produk tersebut di Malaysia adalah didapati tidak wajar.

11. PENGAGIHAN HASIL PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK

11.1 Dalam keadaan di mana UiTM memperoleh hasil daripada pengkomersilan sesuatu Harta Intelek, Hasil Pengkomersilan tersebut akan diagihkan di antara UiTM dengan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelek tersebut, tanpa mengambil kira sama ada mereka merupakan Pihak Pencadang atau tidak.

11.2 Bagi menentukan jumlah agihan yang diterima oleh UiTM dengan pihak-pihak tersebut, Hasil Pengkomersilan tersebut hendaklah terlebih dahulu

ditolak dengan Kos Pengkomersilan bagi mendapatkan Hasil Pengkomersilan Bersih.

11.3 UiTM hendaklah mengagihkan Hasil Pengkomersilan Bersih tersebut pada penutup tahun kewangan bagi pendapatan yang diperoleh itu dengan menggunakan formula pengagihan seperti berikut:

Skala	Hasil Pengkomersilan Bersih	Bahagian Agihan	
		Staf/ Pelajar/ Rakan Sekutu	UiTM
1.	RM250,000.00 ke bawah	70%	30%
2.	RM250,001.00 hingga RM1,000,000.00	60%	40%
3.	RM1,000,001.00 hingga RM2,500,000.00	50%	50%
4.	RM2,500,001.00 hingga RM5,000,000.00	40%	60%
5.	RM5,000,001.00 ke atas	30%	70%

11.4 Bagi mendapatkan agihan yang lebih adil dan munasabah, pelarasan ke atas bahagian agihan boleh dibuat terutamanya apabila ia melibatkan Hasil Pengkomersilan Bersih yang berada di aras permulaan atau penghujung setiap skala, dengan syarat kedua-dua pihak bersetuju dengan pelarasan tersebut.

11.5 Dalam keadaan di mana Harta Intelek tersebut dihasilkan dan/atau dimiliki secara bersama, pengagihan Hasil Pengkomersilan akan dilakukan mengikut Perjanjian di antara pihak-pihak terbabit. Jika sekiranya tiada Perjanjian dimasuki berhubung pengagihan Hasil Pengkomersilan tersebut, ia akan dibahagikan secara sama-rata daripada bahagian agihan berkenaan.

12. TEMPOH MANFAAT

- 12.1 Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang mana Harta Intelek UiTM yang dihasilkannya berjaya dikomersilkan akan mendapat manfaat pengkomersilan Harta Intelek tersebut selagi Hasil Pengkomersilan diterima dan setelah ia meninggal dunia, manfaat pengkomersilan tersebut akan diserahkan kepada wasi atau pentadbir harta pusakanya yang sah.
- 12.2 Tempoh manfaat adalah tidak terhad dan berterusan walaupun selepas Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu yang menghasilkan Harta Intelek UiTM yang dikomersilkan tersebut telah berhenti, bersara, menamatkan pengajian atau yang telah ditamatkan perkhidmatannya/kontraknya/pengajiannya di UiTM (yang mana berkenaan).

13. TANGGUNGJAWAB UNTUK MENJAGA KERAHSIAAN

- 13.1 Sebarang Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang didedahkan atau diperoleh oleh mana-mana pihak-pihak yang terlibat dalam rundingan pengkomersilan tersebut tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak lain, melainkan jika dipersetujui secara bertulis oleh UiTM.
- 13.2 Semua pihak yang terlibat dengan rundingan pengkomersilan Harta Intelek UiTM hendaklah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/Perjanjian Untuk Tidak Mengemukakan Maklumat (Non-Disclosure Agreement) atau apa-apa Perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.
- 13.3 Bagi mengelakkan apa-apa pelanggaran Perjanjian, pihak-pihak yang terlibat dalam perbincangan itu bertanggungjawab mengambil langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk menjaga dan menjamin kerahsiaan apa-apa maklumat yang didedahkan atau diperoleh tersebut.
- 13.4 Jika terdapat sebarang ketidakpastian dan/atau percanggahan pendapat sama ada sesuatu data/maklumat yang didedahkan itu adalah Maklumat Sulit/Rahsia Perdagangan, rujukan hendaklah dibuat terlebih dahulu kepada RIBU.

14. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 14.1 Apabila berlaku pertikaian yang berpunca daripada pelaksanaan Dasar ini, atau dalam apa-apa perkara yang berkait dengan Dasar ini, UiTM akan cuba menyelesaikan pertikaian tersebut secara rundingan dengan pihak-pihak berkenaan, tanpa mengambil kira sama ada ia melibatkan UiTM secara langsung atau tidak langsung.
- 14.2 Apabila pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan secara rundingan, maka ia hendaklah dirujuk kepada penimbang tara, yang mana pelantikan dan kos timbang tara hendaklah dipersetujui oleh semua pihak terbabit.
- 14.3 Apabila satu pihak tidak bersetuju dengan pelantikan atau kos timbang tara atau apabila satu pihak gagal/enggan/abai untuk bertindak, maka pihak yang satu lagi boleh memohon kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk melantik penimbang tara dan penimbang tara yang dilantik itu hendaklah dianggap sebagai telah dilantik dengan persetujuan semua pihak.
- 14.4 Timbang Tara hendaklah diadakan di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dan hendaklah dijalankan menurut Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.
- 14.5 Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbang tara ialah Bahasa Inggeris dan pendapat serta *award*, jika ada, oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

15. KUASA UNIVERSITI

- 15.1 Senat UiTM boleh pada bila-bila masa mengarahkan semakan/pindaan dibuat ke atas Dasar ini selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.
- 15.2 Senat UiTM juga boleh membenarkan apa-apa pengenepian (waiver) dan/atau pengecualian daripada mana-mana fasal di dalam Dasar ini jika difikirkan sesuai dan perlu. Sebarang pengenepian dan/atau pengecualian

hanya bersifat sementara dan berdasarkan sesuatu keadaan, serta tidak membawa kesan sehingga mengubah/meminda/memansuhkan mana-mana fasal yang terbabit.

16. TARIKH DASAR INI BERKUAT KUASA

16.1 Dasar ini berkuat kuasa mulai dari hari bulan tahun

16.2 Daripada tarikh Dasar ini berkuat kuasa, kesemua peruntukan yang termaktub di dalam Dasar ini (setakat yang berkenaan) hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian terma dan syarat di dalam semua kontrak (termasuk kontrak perkhidmatan), perjanjian, surat tawaran dan penerimaan dan lain-lain dokumen yang berkaitan di antara UiTM dengan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM.

16.3 Penguatkuasaan Dasar ini tidak memberi kesan ke belakang (retrospective) terhadap mana-mana aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM yang dimulakan sebelum daripada Dasar ini mula berkuat kuasa.

**GARIS PANDUAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN KOMITMEN STAF UiTM
(DALAM AKTIVITI PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK UiTM)**

1. AM

- 1.1 UiTM membenarkan dan menggalakkan Staf melibatkan diri dalam aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM. Dalam masa yang sama, UiTM mempunyai komitmen terhadap nilai asas dalam ketelusan, keutuhan kesarjanaan dan kebebasan dalam memenuhi misinya untuk mewujud, memelihara dan menyebar ilmu pengetahuan melalui pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.
- 1.2 Staf mempunyai komitmen yang tinggi secara profesional terhadap UiTM. Semua Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM hendaklah bertindak dengan jujur, penuh integriti dan mengutamakan kepentingan UiTM semasa menjalankan aktiviti pengkomersilan.
- 1.3 Apabila UiTM membenarkan dan menggalakkan aktiviti pengkomersilan, maka percanggahan kepentingan dan komitmen mungkin timbul dan tidak dapat dielakkan. Aktiviti pengkomersilan tidak seharusnya mengganggu obligasi Staf terhadap UiTM.
- 1.4 Staf boleh terlibat dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM selagi tidak bercanggah dengan kepentingan UiTM atau dengan komitmen Staf terhadap UiTM, Pelajar UiTM, Rakan Sekutu atau dengan pihak lain yang UiTM mempunyai kewajipan terhadapnya.
- 1.5 Terdapat beberapa percanggahan kepentingan dan komitmen yang boleh wujud berhubung dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada percanggahan yang berkaitan dengan penglibatan Staf dalam:
 - a. penghasilan Harta Intelek UiTM;

- b. permohonan perlindungan Hak Harta Intelek UiTM;
 - b. perundingan pengkomersilan Harta Intelek UiTM;
 - c. pelesenan atau penyerahan hak Harta Intelek UiTM; atau
 - c. syarikat ‘spin-off’ atau syarikat usaha sama UiTM.
- 1.6 Garis Panduan ini selaras dan sebagai tambahan kepada undang-undang serta dasar-dasar UiTM yang berkaitan.

2. TAKRIF

- 2.1 “**Percanggahan Kepentingan**” wujud apabila kepentingan peribadi, kerjaya atau kewangan Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM sama ada pada hakikat atau pada zahirnya:
 - a. menjelaskan tugas hakiki atau profesionalisme Staf;
 - b. mempengaruhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi Staf; atau
 - c. mempengaruhi keputusan atau tingkah laku Staf berhubung dengan pelantikan dan kenaikan pangkat, penggunaan sumber UiTM atau interaksi dengan Staf dengan Staf yang lain atau pihak luar.
- 2.2 “**Percanggahan Komitmen**” wujud apabila hubungan dengan pihak luar atau aktiviti luar Staf sama ada pada hakikat atau pada zahirnya mengganggu atau menyaingi misi pendidikan, penyelidikan atau perkhidmatan UiTM atau keupayaan atau kesediaan Staf untuk melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya berhubung dengan jawatannya.

3. PERATURAN DAN PROSEDUR

Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM mempunyai obligasi untuk melaksanakan dasar dan amalan UiTM berhubung dengan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen. Bagi memenuhi obligasi ini, Staf mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

3.1 Tanggungjawab Staf

a. Komitmen profesional:

Staf mestilah memenuhi tanggungjawabnya terhadap fakulti, kampus, pusat, bahagian atau unit pentadbiran lain yang ditetapkan untuknya.

b. Keperluan pendedahan:

- i. Staf mestilah mendedahkan semua percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang wujud akibat daripada aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM kepada RIBU.
 - ii. Staf juga mestilah memberikan maklumat tambahan yang berkaitan dengan perkara yang didedahkan atau yang tidak didedahkan seperti yang diminta oleh RIBU untuk tujuan menilai kewujudan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen. Semua pendedahan hendaklah dibuat dengan telus dan segera.
- d. Tanggungjawab Fakulti, Kampus, Pusat, Bahagian dan unit pentadbiran**
- i. Selaras dengan Garis Panduan ini dan semua Dasar UiTM yang berkaitan, Dekan, Rektor, Pengarah, Ketua Bahagian dan ketua setiap unit pentadbiran mestilah menyampaikan dan menyebarkan isi kandungan Garis Panduan ini kepada Staf di bawah kawalan mereka.
 - ii. Apabila mana-mana Dekan, Rektor, Pengarah, Ketua Bahagian atau mana-mana ketua unit berpendapat wujud percanggahan kepentingan atau komitmen Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersilan Harta Intelek UiTM, maka ia mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan kepada RIBU berhubung perkara tersebut.

3.2 Tanggungjawab RIBU:

- a. RIBU, sebaik menerima laporan berhubung percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen tersebut hendaklah menasihatkan Staf tersebut untuk menarik diri daripada terlibat dengan aktiviti pengkomersilan tersebut setakat mana percanggahan yang dilaporkan tersebut wujud.
- b. Jika sekiranya Staf enggan menarik diri atas apa juga alasan, RIBU mempunyai tanggungjawab untuk merujuk kepada fakulti, kampus, pusat, bahagian atau unit pentadbiran yang ditetapkan ke atas Staf tersebut bagi menentukan tindakan selanjutnya atau penghapusan percanggahan yang perlu dilakukan.
- c. Jika perlu, RIBU dengan kerjasama fakulti, kampus, pusat, bahagian atau unit pentadbiran berkenaan akan menyediakan rancangan untuk menyelesaikan percanggahan dengan Staf, di mana Staf hendaklah mematuhi rancangan itu.

4. PELANGGARAN

- 4.1 Pelanggaran Garis Panduan ini atau mana-mana bahagian rancangan untuk menyelesaikan percanggahan akan dianggap sebagai salah laku di pihak Staf dan boleh dikenakan hukuman pentadbiran hingga dan termasuk penamatian pelantikan menurut prosedur disiplin yang terpakai.
 - i. Staf tahu keadaan yang boleh membawanya kepada percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mendedahkan percanggahan itu sepenuhnya, menurut dasar unitnya; dan
 - ii. Staf mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mematuhi sepenuhnya rancangan yang dikehendaki untuk mengelakkan atau mengendalikan percanggahan.
- 4.2 Pelanggaran termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi apabila:
 - i. Staf tahu keadaan yang boleh membawanya kepada percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mendedahkan percanggahan itu sepenuhnya, menurut dasar unitnya; dan
 - ii. Staf mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mematuhi sepenuhnya rancangan yang dikehendaki untuk mengelakkan atau mengendalikan percanggahan.

5. PERTIKAIAN DAN RAYUAN

- 5.1 Apabila Staf mempertikaikan apa-apa tindakan atau keputusan yang berkaitan dengan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang dibuat di bawah Garis Panduan ini, maka Dasar UiTM sedia ada berhubung dengan penyelesaian pertikaian akan digunakan.



Institut Pengurusan Penyelidikan

Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Tel : 603 5544 2094/2090
Faks : 603 5544 2096

www.rmi.uitm.edu.my